

12/03/2002

Singapura beri jaminan kaji bantahan Malaysia (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Singapura akan mengkaji nota bantahan Malaysia berkaitan kebimbangan mengenai projek penambakan laut oleh republik itu tetapi menegaskan, kegiatan itu adalah haknya serta tidak menjejaskan sempadan kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam pertemuan berasingan dengannya di sini hari ini, menyuarakan kebimbangan Malaysia dan akan menghantar nota bantahan.

"Ya, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri membangkitkan isu itu. Saya kata ia (penambakan) dilakukan dalam wilayah Singapura dan menjadi hak Singapura untuk berbuat demikian serta sejajar dengan undang-undang antarabangsa.

"Oleh itu, saya kata, jika ada apa-apa kebimbangan, kemukakan dan hantar nota kepada kita. Kita akan kaji perkara itu dan mereka bersetuju. Mereka akan hantar nota dan kita akan kaji," katanya selepas mengunjungi Dr Mahathir petang ini. Beliau sebelum itu menemui Abdullah.

Difahamkan tindakan Singapura menambak pantai yang menghadap Selat Tebrau termasuk di Pulau Tekong mampu meluaskan negara itu sebanyak 15 peratus lagi berbanding keluasan 600 kilometer persegi yang dimiliki sekarang.

Lee berkata, dalam kedua-dua pertemuan itu, beliau menjelaskan bahawa, kawasan penambakan itu tidak berada di laluan antarabangsa dan pandangan itu dipersetujui Abdullah.

Ditanya sama ada kerja penambakan laut itu menjejaskan sempadan Malaysia, Lee tetap dengan pendiriannya dan mengulangi bahawa kerja itu dilakukan di sempadan negaranya.

"Jika ada isu berbangkit, maka kemukakan kepada kami," katanya tetapi mengelak menjawab sama ada laporan kesan kajian alam sekitar (EIA) sudah dilakukan terhadap projek penambakan laut itu.

Bila diajukan soalan yang sama, Lee sekali lagi mengulangi mengenai hak Singapura menambak laut di wilayahnya dan mahukan Malaysia mengemukakan segala kebimbangan itu.

Mengenai kemungkinan isu itu menjejaskan hubungan dua hala Malaysia dan Singapura, beliau berkata memang wujud pelbagai perkara dalam hubungan kedua-dua negara.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, menteri dan pegawai di mana-mana peringkat perlu mengekalkan hubungan peribadi "kerana kita berjiran secara tetap".

"Ia penting kerana kita boleh berbincang dan bertukar pandangan menangani masalah timbul. Saya menjelaskan kepada tuan rumah (Dr Mahathir dan Abdullah) mengenai masalah yang timbul dari semasa ke semasa, dimainkan oleh media dan menjadi isu besar.

"Dengan itu, ia lebih sukar diselesai. Jika ia dilakukan secara senyap, maka lebih mudah mencapai penyelesaian yang akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Saya fikir mereka bersetuju dengan saya mengenai hal ini," katanya.

Sementara itu, Abdullah dalam sidang akhbar berasingan selepas pertemuan itu berkata, Lee bersetuju supaya Malaysia mengemukakan nota kepada kerajaan Singapura jika ada bukti kerja penambakan laut itu memberi kesan negatif.

Antaranya ialah sama ada kerja itu merosakkan ekologi dan menjejaskan

kedalaman terusan iaitu sempadan Malaysia-Singapura.

Abdullah berkata, Malaysia sudah membuat kerja pengukuran di kawasan itu dan ia akan disiapkan segera bagi menentukan sama ada perairan negara terjejas atau tidak walaupun Singapura menegaskan kerja itu dilalukan di wilayah mereka serta tidak menjejaskan sistem ekologi.

"Mereka sudah melakukan kerja penambakan itu dan saya juga menekankan kebimbangan rakyat Malaysia mengenai kemungkinan ada kesan sampingan termasuk mungkin menyebabkan terusan di situ semakin cetek. Ia juga mungkin ada kesan lain, kita tidak tahu.

"Kita perlu membuat kerja pengukuran di kawasan itu untuk menentukan keadaan sebenar, apa yang sebenarnya berlaku berikutan kerja penambakan di wilayah Singapura itu," katanya.

(END)